

28/01/2003

Kenyataan PM tidak babit parti anggota BN

KUALA LUMPUR: Kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa semua wakil rakyat Umno wajar mengundur diri bagi membolehkan kemunculan muka baru tidak semestinya ditafsir sebagai merangkumi semua parti komponen dalam Barisan Nasional (BN).

Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata setiap parti komponen ada perlembagaan masing-masing serta mempunyai kaedah tersendiri untuk mentadbir parti mereka yang perlu dipatuhi selaras dengan aspirasi anggotanya.

"Dr Mahathir boleh membuat keputusan seumpama ini bagi Umno kerana beliau adalah presiden parti terbabit tetapi adalah tidak wajar jika kenyataannya itu dianggap membabitkan semua parti sedangkan sudah menjadi dasar BN tidak mencampuri urusan dalaman parti komponen lain.

"Tidak ada syarat semua parti komponen harus ikut cara Umno dan merombak barisan pucuk pimpinan serta wakil rakyatnya. Jika kita mengikuti semua tindakan Umno, tidak perlu lagi begitu banyak parti berlainan bagi mewakili rakyat. Satu parti sudah memadai.

"Jika perubahan senarai wakil rakyat semua parti komponen mahu dilakukan, keputusan ini hanya boleh dilakukan pada peringkat Dewan Tertinggi BN," katanya selepas melancarkan Pertandingan Kemahiran Kebangsaan Ke-13, di sini semalam.

Samy Vellu yang juga Menteri Kerja Raya berkata, barisan pucuk pimpinan baru MIC akan ditentukan oleh anggotanya menerusi pemilihan peringkat cawangan yang akan bermula pertengahan Februari, disusuli dengan pemilihan Presiden pada Mac ini.

"Jika ahli MIC berpendapat saya tidak diperlukan, saya akan mengucapkan selamat tinggal. Semuanya akan ditentukan dalam tempoh 45 hari ini.

"Sudah berkali-kali ditanya bila pula saya akan bersara sejak Perdana Menteri mengumumkan persaraannya Oktober ini. Saya akan bersara apabila mencapai usia beliau," katanya sambil berseloroh.

Samy Vellu kini mencecah usia 67 tahun, manakala Dr Mahathir sudah menjangkau 77 tahun.

Ditanya sama ada MIC akan meletakkan muka baru pada pilihan raya umum akan datang, beliau menjelaskan partinya sering mengengahkan muka baru tetapi jarang disedari umum.